

Article Info:

Received Date: 05 September 2020

Accepted Date: 21 December 2020

Published Date: 22 December 2020

Corresponding Author: darlizjenal@yahoo.com

Membina Modul Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Seni Visual bagi meningkatkan penguasaan Guru-guru bukan Opsyen Pendidikan Seni di Tingkatan Satu

Developing an Art Language Teaching Module to Increase Mastery of Non-Art Teachers Option in Form One

Darliz Jenal¹

Harozila Ramli²

Sekolah Menengah Kebangsaan Penampang, Jln. Pcb 15350,

Kota Bharu, Kelantan, Malaysia¹

Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim, Perak, Malaysia^{1,2}

To cite this article (APA): Jenal, D., & Ramli, H. (2020). Developing an Art Language Teaching Module to Increase Mastery of Non-Art Teachers Option in Form One. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), 44-51. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.4.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.4.2020>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina sebuah Modul Bahasa Seni Visual (BSV) bagi guru-guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual yang mengajar di tingkatan satu. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk model yang diadaptasi Modul Sidek (2001) dan Model Dick and Reiser (1989) sebagai landasan utama. Kajian kes melibatkan responden 3 orang guru bukan opsyen pendidikan seni sekolah menengah di sekitar Kota Bharu yang telah dipilih bagi mengenalpasti masalah pengajaran dan pemudahcaraan serta keperluan Modul BSV dalam Bidang Bahasa Seni Visual. Manakala batasan sampel 30 orang murid dari 3 buah sekolah yang sama terlibat dalam pelaksanaan modul BSV ini. Keberkesanan Modul BSV sebagai bahan pengajaran dan pemudahcaraan dianalisis dan di ukur secara kualitatif antara guru dan murid melalui soal selidik, pemerhatian dan temu bual terutamanya yang berunsur emosi, motivasi, dan empati (memahami orang lain) yang berkaitan dengan manusia, kumpulan tertentu atau keadaan semulajadi (Chua, 2006). Manakala kaedah kuantitatif menggunakan ujian pra and pasca di jalankan bagi membuktikan bahawa pencapaian murid lebih signifikan tingginya dalam penilaian Tahap Penguasaan (TP) bilik darjah dan ujian kefahaman (formatik) berbanding pencapaian sebelum penggunaan Modul BSV.

Kata kunci: Pendidikan Seni Visual, Guru Bukan Opsyen PSV, Pengajaran Dan Pemudahcaraan

ABSTRACT

This study aims to build a Visual Arts Language Module (BSV) for non-optional Visual Arts Education teachers who teach in form one. This study applies the model design adapted by Module Sidek (2001) and Model Dick and Reiser (1989) as the main platform. The case study involved 3 respondents who are not secondary school art education options around Kota Bharu who have been selected to identify teaching and facilitation problems as well as the needs of the BSV Module in Visual Arts Language. Meanwhile, the sample limit of 30 students from the same 3 schools is involved in the implementation of this BSV module. The effectiveness of the BSV Module as a teaching and facilitating material is analyzed and measured qualitatively between teachers and students through questionnaires, observations and interviews especially those that are emotional, motivational, and empathic (understanding others) related to people, certain groups or natural conditions (Chua, 2006). While quantitative methods using pre and post tests are carried out to prove that student achievement is more significant in the

assessment of Classroom Mastery Level (TP) and comprehension test (formatic) compared to achievement before the use of Module BSV.

Keywords: Visual Arts Education, Non-PSV option Teachers, teaching and facilitation.

PENGENALAN

Tanggungjawab guru PSV sangat besar dalam mencungkil potensi kreatif murid melalui PdP dalam bilik darjah (Tamaki & Sharif, 2014). Oleh kerana itu, setiap guru harus mahir dan mempunyai kepakaran dalam penguasaan mata pelajaran pendidikan seni supaya idea dan kreativiti mereka dapat mengekalkan tumpuan murid terhadap PdP di dalam kelas. Kepentingan guru belajar dengan guru lain juga dapat meningkatkan pengembangan amalan profesional (Hook & Vass, 2000). Sulaiman (2004) mengatakan bahawa setiap guru hendaklah berilmu pengetahuan dalam bidangnya. Guru yang baik sentiasa menimba ilmu dan pengalaman serta sanggup menerima perubahan untuk belajar sesuatu yang baru yang akan memberikan kesan menafaat yang baik (Putnam & Borko, 2000). Namun demikian, isu mata pelajaran pendidikan seni diajar oleh guru-guru bukan opsyen pendidikan seni visual di seluruh Malaysia bukanlah perkara yang baru. Masalah kurang mahir dikesan apabila murid gagal untuk melukis gubahan atau komposisi menggunakan pensel (Azman Ab.Rahim@Ibrahim, 2017).

Laporan dalam Berita Harian *Online* pada 24 November 2016 yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Chong Sin Woon menyatakan terdapat guru-guru bukan opsyen di sekolah rendah sebanyak 1.9 peratus atau 4,558 daripada jumlah keseluruhan guru iaitu 239,850 orang, manakala 1.5 peratus atau 3,458 daripada keseluruhan 181,978 adalah dari sekolah menengah. Masalah berpunca dari pengagihan penempatan guru tidak sama rata (*mismatch*) dimana terdapat lebih guru di kawasan bandar manakala bagi kawasan luar bandar adalah sebaliknya iaitu tidak mempunyai guru yang mencukupi dan juga di luar bidang opsyen. Ini mengundang masalah dimana pihak sekolah terpaksa menerima guru-guru yang tidak selari dengan permintaan opsyen yang diinginkan. Dalam kajian ini, wujudnya masalah apabila mata pelajaran pendidikan seni terpaksa diserahkan kepada guru bukan opsyen pendidikan seni visual. Guru-guru bukan opsyen ini terpaksa akur dengan arahan pihak sekolah untuk mengisi kekosongan guru subjek yang tiada walaupun berlainan opsyen bagi mencukupkan dalam jadual pengajaran.

Apabila guru ini menerima mata pelajaran yang bukan sahaja tidak mengikut bidang kepakaran dan mereka tidak diminati sudah tentunya mengundang berbagai masalah. Menurut Janis Boyd (2004), walaupun masyarakat nampaknya tidak menghargai proses artistik dan kreatif pihak sekolah umumnya dan pendidik seni harus menyedari bahawa seni membantu dengan pengembangan kemahiran tahap tinggi seperti kemampuan murid dalam menangani kerumitan, penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi, disiplin diri dan kerja berpasukan. Guru-guru bukan opsyen pendidikan seni tidak mahir dan tidak mampu menguasai teori apatah lagi mengaplikasikan secara praktikal sepenuhnya. Hasil penyelidikan oleh Satute (2003), menyatakan bahawa penguasaan terhadap sesuatu ilmu dan kepakaran dalam sesuatu bidang mata pelajaran itu hendaklah menjadi keutamaan kepada guru-guru. Dalam kajian oleh Mohd Aizat Abu Hassan (2018) menyatakan bahawa opsyen guru, pengalaman mengajar dan masalah yang sering dihadapi oleh guru saling mempunyai hubungkait. Kelemahan ini akan menyebabkan perlaksanaan kurikulum pendidikan tidak akan dicapai sepenuhnya. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti penguasaan Bahasa Seni Visual (BSV) dalam kalangan guru bukan opsyen pendidikan seni visual di tingkatan satu, membangunkan Modul BSV bagi keperluan guru bukan opsyen pendidikan seni tingkatan satu dan seterusnya menganalisis keberkesanan penyampaian guru dan penerimaan murid melalui aplikasi Modul BSV di tingkatan satu.

METODOLOGI

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membina sebuah modul pengajaran dan pemudahcaraan bagi guru-guru bukan opsyen pendidikan seni agar dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam Bidang

Bahasa Seni Visual (BSV) di tingkatan satu. Perkara ini merujuk kepada kemahiran mengkaji, menilai dan melaksanakan pendekatan yang relevan bagi menyelesaikan masalah oleh Aziz dan Ardiana (2019). Kaedah analisis data yang dijalankan adalah secara kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan secara kuantitatif digunakan untuk menganalisis data sampel penilaian dalam bentuk formatif bagi Tahap Penguasaan (TP) didalam tugas modul dan penilaian berbentuk sumatif dalam markah ujian pemahaman bagi membolehkan penyelidik mengetahui keberkesanan penggunaan modul serta peningkatan pencapaian murid di dalam kelas. Manakala kaedah kajian secara kualitatif yang dijalankan dalam bentuk soalselidik, temubual dan pemerhatian adalah bagi mendapatkan data demografi latarbelakang guru, pandangan, pengalaman, pendekatan dan strategi pengajaran yang selalu digunakan semasa proses PdPc serta pandangan mereka selepas penggunaan Modul BSV didalam bidang Bahasa Seni Visual terhadap murid ditingkatan satu.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Persoalan kajian 1

Bagaimanakah penguasaan Bahasa Seni Visual dalam kalangan guru bukan opsyen di tingkatan satu.

Aspek	Dapatan
Strategi pengajaran	Strategi pengajaran berpusatkan guru digunakan dimana semua murid memberi perhatian kepada guru semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan.
Teknik	33% guru menggunakan teknik berasaskan “chalk and talk” dan 67% menggunakan teknik pengajaran melalui buku teks.

Jadual 1: Rumusan temubual terhadap guru-guru bukan opsyen pendidikan seni terhadap proses PdPc sebelum penggunaan Modul BSV.

Berdasarkan jadual 1 diatas, menunjukkan rumusan tentang hasil temubual terhadap strategi pengajaran yang berpusatkan kepada guru semata-mata dan murid hanya memberi perhatian semasa guru mengajar didalam kelas. Hasil dapatan menunjukkan 33% guru mempratikkan teknik melalui pengajaran “chalk and talk” manakala 67% menggunakan teknik pengajaran melalui buku teks dalam bentuk pemberian nota dan latihan.

Bil.	Kerangka Pengajaran	Guru 1	Guru 2	Guru 3
1.	Pendekatan	/	/	/
2.	Teknik Pengajaran	/	/	/
3.	Penyampaian	/	/	/
4.	Bahasa Seni Visual	/	/	/
5.	Suasana kelas		/	/
6.	Masa	/	/	/
7.	Hasil tugas murid	/	/	/

Indikator: Masalah dalam pengajaran dan pemudahcaraan /

(Sumber: Temubual penyelidik terhadap guru-guru bukan opsyen Pendidikan Seni Visual)

Jadual 2: Rumusan masalah dalam pengajaran dan pemudahcaraan bagi guru-guru bukan opsyen seni visual

Berdasarkan jadual 2 diatas, menunjukkan rumusan kesemua responden (Guru 1, Guru 2 dan Guru 3) yang menghadapi masalah dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas tingkatan satu. Masalah yang berlaku dalam pengajaran dibahagikan kepada enam bahagian utama iaitu pendekatan,



teknik pengajaran, penyampaian, Bahasa Seni Visual, suasana kelas, masa dan hasil tugas murid. Dapatan ini diperolehi dari hasil temubual ke atas peserta kajian. Sampel kajian masih menggunakan pendekatan secara “chalk and talk” dan penggunaan buku teks sepenuhnya. Guru-guru merasakan kandungan buku teks memadai kerana mereka tiada masa untuk mendalami dan menelaah lebih lama kerana di bebani dengan tugas lain di sekolah. Manakala teknik pengajaran guru secara penerangan dan bersoaljawab dengan murid menggunakan buku teks sepenuhnya menyebabkan murid cepat merasa bosan dan hilang minat kerana murid masih kabur dan tidak jelas. Menurut Shulman, L.S, (2000), pengajaran sukar kerana sumber penghantaran maklumat di mana murid tidak memahami teori sebelumnya tetapi berusaha berkomunikasi secara aktif tetapi malangnya salah faham.


Bahasa Seni Visual merupakan sesuatu yang abstrak dan sukar dijelaskan hanya menggunakan perkataan. Walaupun isi kandungannya yang sarat menyukarkan guru sendiri untuk memahaminya, namun guru-guru bukan opsyen PSV lebih gemar dan terus menyampaikannya kerana murid mudah tidak duduk diam lebih-lebih lagi murid di tingkatan satu khususnya. Ini menyebabkan kawalan kelas agak terbatas dan pengajaran tidak berjalan lancar. Walaupun terdapat suasana kelas yang kurang kondusif berbanding bilik seni dan makmal ICT, guru kekal mengajar di dalam kelas kerana tidak mahu membuang masa agar silibus dapat dihabiskan mengikut waktu yang telah ditetapkan. Teori konstruktivisme juga menekankan kepada kepentingan membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling mempengaruhi antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran yang selanjutnya. Salah satu daripada konsep pembelajaran bermakna ialah seseorang individu itu berupaya untuk membina ingatan jangka panjang tentang sesuatu konsep yang dipelajari disamping mengaitkan pengetahuan tersebut dengan aktiviti kehidupan seharian mereka hasil kajian Sihes, Ibrahim dan Wahab (2007).

Dari awal sistem pendidikan, kita dapat lihat beberapa perubahan dalam pembentukan pedagogi, pendekatan dan hala tuju pendidikan, namun demikian perubahan dalam bentuk persekitaran masih tidak jelas dapat dikaitkan dengan perubahan masa (Omar, J., 2019). Ketepatan masa juga bergantung kepada persediaan guru dalam membuat persediaan awal agar objektif dapat dicapai pada hari tersebut. Jika pengajaran dan pemudahcaraan mengambil masa yang panjang aktiviti pengukuhan tidak dapat dilaksanakan, kesudahannya guru terpaksa menyuruh murid menyambung atau menyiapkan aktiviti latihan di rumah. Hasil tugas murid juga tidak dapat disiapkan dengan sempurna kerana masalah dari kurang memahami dan kehendak seperti arahan daripada guru semasa menyiapkan tugas. Menurut Yeh dan Khairani (2019) guru yang menilai mestilah berpengetahuan dan berkemahiran dalam menjalankan penilaian pembelajaran murid.

Persoalan kajian 2

Adakah kandungan Modul Bahasa Seni Visual bagi guru bukan opsyen pendidikan seni dapat membantu meningkatkan penguasaan mereka. Penyelidik akan menghuraikan jawapan bagi persoalan kajian 2 yang dijalankan menerusi kaji selidik terhadap responden. Pengkaji telah mengelaskan 2 aspek utama iaitu kandungan Modul BSV dan informasi penyampaian Modul BSV sebagai bahan bantu mengajar yang diketengahkan bagi mengetahui kesesuaian modul dalam membantu meningkatkan penguasaan guru-guru bukan opsyen PSV dalam Bidang Bahasa Seni Visual di dalam pengajaran dan pemudahcaraan. Dapatan kajian dalam bentuk rajah graf bar tentang pendapat guru-guru bukan opsyen PSV terhadap Modul BSV dapat dirumuskan sebagaimana yang terdapat dalam rajah 3 dan 4 dibawah.






Rajah 3: Graf bar menunjukkan pandangan guru terhadap kandungan Modul BSV

Berdasarkan rajah 3 diatas, menunjukkan ketiga-tiga guru-guru bukan opsyen PSV bersetuju bahawa tajuk modul adalah mengikut Sukatan PSV (KSSM) serta isi kandungannya adalah berdasarkan kandungan buku teks PSV Tingkatan 1. Kandungan modul dapat memberi panduan kepada mereka agar dapat memberikan kefahaman yang jelas dan lancar kepada murid. Nota teorinya juga ringkas dan tidak perlu menerangkan panjang lebar kerana murid-murid mudah jemu. Menurut Jamalluddin Harun & Zaidatun Tasir (2003), kajian saintifik membuktikan bahawa proses ingatan yang berlaku dalam otak manusia semakin mudah di laksanakan apabila manusia mula menerima pelbagai pengukuhan dalam berbagai bentuk dalam masa yang singkat. Pemikiran visual adalah yang paling holistik, manusia boleh berfikir dengan lebih pantas menerusi gambar atau bentuk-bentuk grafik.

Setiap satu maklumat dalam gambar boleh dikaitkan dengan ruang dan dalam masa yang sama kefahaman konsep dapat dikaitkan dengan lebih cepat (Omar, J., 2019). Oleh demikian, penggunaan gambar atau imej adalah lebih baik dari teks kerana ia mempunyai nilai seni dan berdasarkan pengalaman semulajadi manusia. Arahan dari guru memberi pengukuhan dan penerangan tentang aktiviti latihan kepada murid juga jelas. Murid dapat menjalankan aktiviti pengukuhan selepas sesi pembelajaran dengan seronok. Sejarah tokoh dan contoh karya juga banyak membantu guru-guru dalam memberi kefahaman yang baik dan betul kepada murid-murid. Menurut Ibrahaim Hassan (2000), gabungan teknik demonstrasi dan latih tubi serta kaedah koperatif begitu berkesan dalam mata pelajaran pendidikan seni visual.



Rajah 4: Graf bar menunjukkan pandangan guru terhadap informasi penyampaian Modul BSV

Berdasarkan rajah 4 diatas, menunjukkan pandangan guru-guru bukan opsyen PSV tentang informasi penyampaian Modul BSV sebagai bahan bantu mengajar. Guru-guru bersetuju bahawa modul BSV adalah bahan rujukan yang dapat memberi panduan kepada mereka mendalami penguasaan pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Seni Visual. Mereka bersetuju ianya juga adalah sebagai bahan sumber bagi murid-murid dalam mendapat kefahaman jelas tentang teori Bahasa Seni Visual dan melaksanakan

aktiviti pengukuhan agar dapat dinilai oleh guru di dalam kelas. 2 daripada guru tersebut bersetuju bahawa modul ini dapat meningkatkan kemahiran pedagogi guru dalam menyampaikan pengajaran dan pemudahcaraan khususnya dalam bidang Bahasa Seni Visual. Mereka juga bersetuju bahawa kandungan modul adalah mengikut seperti mana dalam silibus pentaksiran PBD kurikulum sekolah menengah. Penyampaian guru yang berkesan dan lancar dapat meningkatkan keyakinan mereka dalam penguasaan terhadap Bahasa Seni Visual.

Persoalan kajian 3

Apakah aplikasi Modul Bahasa Seni Visual berkesan terhadap penyampaian guru bukan opsyen dan penerimaan murid. Bagi menjawab persoalan kajian 3, pengkaji menggunakan rumusan data yang diperolehi dari hasil tugas murid dalam bentuk formatif yang terkandung dalam modul tersebut. Ianya diukur melalui tahap penguasaan murid dari Tahap Penguasaan (TP) 1 sehingga Tahap Penguasaan (TP) 6. Berikut adalah keputusan hasil keseluruhan bagi setiap tahap penguasaan (TP) dari penggunaan modul BSV berdasarkan setiap unit tajuk dibawah bidang Bahasa Seni Visual sebagaimana yang terdapat dalam jadual 5 di bawah.

Bil.	Bidang BSV (Tajuk)	Mean Pra (TP)	Mean Pasca (TP)	df	t
1.	Garisan	1.16	4.57	30	-33.063
2.	Rupa	1.17	4.78	30	-35.008
3.	Bentuk	1.53	4.93	30	-21.781
4.	Jalinan	1.13	4.80	30	-28.240
5.	Ruang	1.17	4.83	30	-28.240
6.	Warna	1.13	4.83	30	-33.494
7.	Harmoni	1.23	4.77	30	-33.872
8.	Kontra	1.37	4.87	30	-28.097
9.	Penegasan	1.27	4.90	30	-35.789
10.	Kepelbagaian	1.07	4.83	30	-40.934
11.	Imbangan	1.50	4.97	30	-26.000
12.	Kesatuan	1.17	5.17	30	-37.310
13.	Irama	1.27	5.17	30	-70.007

Jadual 5: Perbezaan min, nilai -t dan darjah kebebasan (df) bagi Bidang Bahasa Seni Visual

Berdasarkan jadual 5 diatas, menunjukkan peningkatan Tahap Penguasaan (TP) bagi pra dan pasca sebelum dan selepas penggunaan modul BSV. Ini jelas digambarkan dalam jadual diatas yang mana setiap tajuk dibawah bidang Bahasa Seni Visual meningkat dari skor (TP)1 dan (TP)2 kepada skor (TP)4 dan (TP)5 keatas. Keputusan menunjukkan peningkatan penguasaan kemahiran menyiapkan aktiviti modul seperti yang ditunjukkan oleh sampel. Setiap unit tajuk dibawah bidang Bahasa Seni Visual menunjukkan keputusan yang memberangsangkan di mana kesemua sampel kajian mampu memperolehi markah yang berada di aras tinggi. Ini jelas menunjukkan hasil penggunaan modul dapat meningkatkan penguasaan murid dalam bidang Bahasa Seni Visual. Ianya secara tidak langsung menunjukkan bahawa aplikasi Modul Bahasa Seni Visual berkesan terhadap penyampaian guru-guru bukan opsyen pendidikan visual.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah bagi membina sebuah Modul BSV agar dapat membantu guru-guru bukan opsyen PSV dalam penguasaan bidang Bahasa Seni Visual di tingkatan satu. Kemampuan penggunaan modul BSV dapat meningkatkan kreativiti dan melancarkan proses PdPc bagi guru-guru bukan opsyen PSV dalam bidang Bahasa Seni Visual. Konsep modul ini menyediakan garis panduan lengkap agar guru-guru dapat melaksanakan pengajaran mengikut landasan yang betul. Menerusi kajian ini juga, sememangnya menekan dan memberi tumpuan terhadap penglibatan murid berbanding berpusatkan guru sebelum ini. Murid akan lebih yakin dan bermotivasi

serta berani menyumbangkan idea kreatif dalam menyiapkan tugas aktiviti modul sementara guru hanya bertindak sebagai pemudahcara sahaja. Menurut Halili, Sulaiman dan Abdul Rayid (2011), motivasi murid selalunya secara dalaman yang mana mereka melibatkan diri atas kehendak mereka sendiri untuk memperbaiki kedudukan mereka dalam masyarakat dan kerjaya.

Menurut Hussin (2019), proses tersebut berlaku dalam otak untuk membolehkan seseorang itu menguasai kemahiran berfikir. Proses tersebut berfokus kepada fenomena seperti kesediaan, persepsi, pengawalan motor, perhatian (attention), ingatan, pembelajaran dan penaakulan. Menurut NorAzzatunnisak Mohd Khatib & Saemah Rahman (2013), keperluan kreativiti semakin disedari dan dilihat penting dalam bidang pendidikan terutama dalam menerapkan kreativiti semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah. Ianya memupuk dan melatih murid untuk lebih prihatin terhadap persekitaran mereka, mengembangkan kreativiti dan pembelajaran yang menyeronokkan. Sehubungan dengan itu, murid mempunyai kemampuan untuk mengembangkan diri mereka sendiri dan meneroka kreativiti seni yang membolehkan mereka menghasilkan idea yang asli dan unik dalam karya seni masing-masing mengikut kajian yang dijalankan oleh Zakaria dan Anuar (2019). Kurikulum Pendidikan Seni telah direncana dan selaras dengan keadaan semasa dan akan datang bagi mencapai matlamat pendidikan berdasarkan kehendak FPK menurut Iberahim Hassan (2000). Kajian ini diharapkan dapat mengisi keperluan dan menambahkan lagi sumber-sumber rujukan bahan bantu mengajar dalam bentuk modul yang berupaya digunakan dalam perkembangan sistem pendidikan pada hari ini.

RUJUKAN

- Ab. Rahim@Ibrahim, A., Zalay@Zali, A.A., & Kairani, M. Z. (2019). Kaedah Pembelajaran Koperatif Model STAD Meningkatkan Pencapaian Pelajar Dalam Penghasilan Catan Cat Air. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 5. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2271>
- Aziz., & Ardiana. (2019). Aplikasi Pemikiran Kritis Semasa Pembelajaran Berasaskan Projek Pendidikan Seni Visual Dalam Kalangan Guru Pelatih. *JURNAL MELAYU SEDUNIA*, [S.l.], v. 2, n. 1, p. 352 - 379, dec. 2019. ISSN 2637-0751. Available at: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/21838>
- Halili, S. H., Sulaiman, S., & Abdul Rayid, M. R. (2011). Keberkesanan proses pembelajaran menggunakan teknologi sidang video. *Jurnal pendidikan Malaysia*, 36(1) (2011): 55-65. Retrieved from [https://www.ukm.my/jurfpnd/jurnal 2012/JP36\(1\)](https://www.ukm.my/jurfpnd/jurnal%202012/JP36(1))
- Hussin, R. (2019). Pendekatan Teori Pembelajaran Kognitivisme dalam Pendidikan Seni Visual (PSV). *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 1. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/>
- Hook, P., & Vass, A. (2000). *Confident Classroom Leadership*. London. Fulton. Retrieved June 20, 2020 from [http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusan KPPM.htm](http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusan/KPPM.htm).
- Iberahim Hassan. (2000). *Matlamat dan objektif pendidikan seni visual untuk sekolah menengah: perlu kajian semula, Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Seni Visual 2000*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Jamalluddin Harun., & Zaidatun Tasir. (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. Bentong: PTS Publication & Distributors.
- Janis Boyd. (2004). *Myths, Misconceptions, Problems and Issues in Arts Education*. Griffith University: Brisbane Australia.
- Mohd Aizat Abu Hassan. (2018). Tinjauan masalah guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*.
- Mohd Khatib, N., & Rahman, S. (2013). Pemupukan kreativiti dalam kalangan pelajar di peringkat Sekolah. *Universiti Kebangsaan Malaysia*. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/274066566>
- Omar, J. (2019). "Outdoor Sketching" Pengalaman Pembelajaran PSV Komprehensif. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 1. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/221>
- Putnam, R.T., & Borko, H. (2000). *What Do New Views of Knowledge and Thinking Have to Say About Research On Teacher Learning*. Educational Researcher.
- Shulman, L.S. (2000). Domain Expertise and Pedagogical Knowledge. *Journal of Applied Development Psychology*
- Sulaiman, E. (2003). *Modul Pengajaran Asas Pedagogi Jabatan Asas Pendidikan*. Fakulti Pendidikan UTM: Cetak Ratu Sdn. Bhd.

- Satute, M. (2003). *Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Melaksanakan Program MPV di Sekolah-sekolah Menengah Akademik Negeri Johor dan Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Sihe, A. J., Ibrahim, M. A., & A. Wahab, Z. (2007). *Pembinaan Perisian Multimedia Berasaskan Model Konstruktivisme Kitaran Pembelajaran Sains Lima Fasa. 73 Seminar Kebangsaan JPPG 2007: Teknologi Dalam Pendidikan*. 18-20 November 2007. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tamaki, G., & Sharif, S. (2014). Amalan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni visual di Sekolah Menengah Daerah Kudat Sabah satu kajian kes. *International Conference on Education*. Retrieved from <https://www.ums.edu.my/fpp/index.php/en/publications/proceedings/162>
- Yeh, L. H., & Khairani, M. Z. (2019). Pelaksanaan PBS Guru-Guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam Pengajaran dan Pelajaran Berasaskan Estetik. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 6. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/227>
- Zakaria, A. F., & Anuar, R. (2019). Adaptation of the Creative Development Theory in Developing Creativity Among Year 1 Students. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 5. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2269>